

Angka mangsa H1N1 di seluruh negara lebih 1,000, tiga lagi institusi pendidikan ditutup

UUM 'bebaskan' 20,000 pelajar



Oleh SHAH NIZAM OMAR
shahnizam.omar@kosmo.com.my

ALOR SETAR - Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam menghentikan sementara semua kuliah dan aktiviti selama seminggu sambil memberi kebebasan kepada lebih 20,000 pelajarinya untuk kekal dalam kampus atau pulang ke kampung ekoran kebimbangan wabak selesema babi.

Keputusan itu diambil gara-gara 500 pelajarinya setakat ini sudah mengalami penyakit berkaitan selesema (ILI) dan jumlahnya itu terus bertambah.

Timbalan Naib Canselor UUM, Akademik dan Perhubungan Antarabangsa, Lt. Kol. Prof. Dr. Abdul Razak Chik berkata, kampus itu bukan ditutup, sebaliknya arahan tiada kuliah dan aktiviti dibuat bagi mengelak ada keramaian dan mengundang jangkitan.

"Kita terpaksa berjaga-jaga sebab bilangan pelajar yang mengunjungi Pusat Kesihatan kami semakin ramai," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Abdul Razak menjelaskan, arahan itu bagaimanapun tidak melibatkan kakitangan universiti.

Sementara itu di **Kuala Lumpur**, bilangan mangsa wabak selesema babi di seluruh negara kini melebihi 1,000 orang semalam dengan sebanyak 54 lagi kes baru dilaporkan manakala



IBU bapa mula membawa anak-anak mereka meninggalkan Politeknik Permatang Pauh semalam berikutan arahan tutup selama seminggu kerana wabak H1N1.

dua buah institusi pendidikan di Pulau Pinang diarahkan tutup atas wabak yang sama.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Ismail Merican dalam kenyataannya semalam memberitahu, jumlah kes baru itu membabitkan 43 kes daripada tujuh kluster baru, lima daripada kluster sedia ada manakala enam lagi adalah kes terpencil termasuk satu kes import.

Di **Pulau Pinang** pula, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Aik Keow di Teluk Air Tawar dan Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh ditutup seminggu mulai semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Pulau Pinang, Phee Boon Poh berkata, tindakan itu terpaksa diambil berikutan 36 pelajar po-

liteknik itu dan 16 murid SJKC Aik Keow disahkan dijangkiti H1N1.

Katanya, kesemua mangsa dikuarantin dan berada dalam keadaan stabil selepas menerima rawatan.

Di **Kuala Terengganu**, Sekolah Menengah Sains (SMS) Dungun dan asrama Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (Perkaya), Marang juga akan ditutup seminggu mulai hari ini atas sebab yang sama.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri Terengganu, Dr. A Rahman Mokhtar berkata, tindakan penutupan dilakukan selepas 10 pelajar SMS Dungun dan 13 penghuni asrama Perkaya dijangkiti wabak tersebut semalam.

Kami kena berjaga-jaga sebab jumlah pengunjung Pusat Kesihatan semakin ramai

ABDUL RAZAK CHIK

Info Kes selesema babi

MALAYSIA

Semalam

1,075 kes

574 kes import

501 kes tempatan

Kelmarin

1,021 kes

573 kes import

448 kes tempatan

SELURUH DUNIA

Semalam

158,023 kes

975 kematian

Kelmarin

153,158 kes

914 kematian

Hotline

03-88834414,

03-88824415,

03-88810200

<http://h1n1.moh.gov.my>

Sumber: Kementerian Kesihatan

